

AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 8  
RUANGAN : LOKAL

## Segera ke klinik atau hospital jika terdapat gejala mpox

**Ipoh:** Orang ramai di negeri ini dinasihatkan supaya segera ke klinik atau hospital berhampiran jika terdapat gejala cacar monyet (mpox).

Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Kesihatan, Hal Ehwal Masyarakat India dan Integrasi Perak A Sivanesan berkata, gejala berkenaan seperti demam, keletihan, sakit kepala serta ruam makulopapular yang bermula di muka kemudian menyebar ke tapak tangan dan tapak kaki diikuti bahagian-bahagian tubuh yang lain.

"Penyakit ini berjangkit

dan perlu dikuarantin sekiranya positif. Saya harap orang ramai berwaspada dan lakukan saringan kesihatan jika terdapat tanda yang dinyatakan," katanya selepas merasmikan Kempen Kesihatan Awam yang berlangsung di Aeon Mall Station 18 di sini, kelmarin.

Kelmarin, Kementerian Kesihatan (KKM) mengesahkan terdapat dua kes positif jangkitan mpox di negara ini.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan dalam satu kenyataan menjelaskan kes itu di-

### » INFO

**Gejala mpox seperti demam, keletihan, sakit kepala serta ruam makulopapular yang bermula di muka kemudian menyebar ke tapak tangan dan tapak kaki diikuti bahagian-bahagian tubuh yang lain.**

sahkan pada 26 Julai membabitkan seorang lelaki warga asing, manakala kes kedua seorang lelaki tempatan yang juga kontak kepada kes mpox

pertama serta disahkan positif mpox pada 29 Julai lepas.

Sivanesan berkata, sehingga kini, masih tiada sebarang laporan membabitkan penyakit cacar monyet di negeri ini.

Katanya lagi, bagi membendung penyakit itu daripada menular, Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Perak melaksanakan langkah pencegahan awal melalui pemantauan di semua lokasi berisiko termasuk pintu masuk antarabangsa.

"Pemantauan dilaksanakan terhadap semua individu berisiko termasuk

pengembara atau pelancong melalui saringan mpox yang dilakukan di pintu masuk antarabangsa khususnya lapangan terbang.

"Selain itu, latihan turut diberikan kepada semua anggota JKN bagi memastikan pengendalian kes berkaitan mpox ini dapat dilaksanakan dengan sempurna," katanya.

Sementara itu, mengulas tentang kempen yang dilaksanakan beliau berkata, ia dianjurkan oleh Quest International University dengan kerjasama JKN Perak serta bertujuan memberi keseda-

ran kepada orang ramai khususnya berkaitan penjagaan dan rawatan kulit.

Beliau berkata, perkhidmatan ditawarkan percuma selain orang ramai turut berpeluang menyertai aktiviti lain seperti forum kesihatan, bengkel masakan makanan berkhasiat dan sebagainya.

"Usaha melalui kempen ini harus diberikan pujian kerana bukan hanya percuma, malah turut menawarkan pelbagai perkhidmatan kesihatan yang sememangnya berguna untuk orang ramai," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 12  
RUANGAN : LOKAL

## 17.76% kematian di Perlis akibat penyakit jantung iskemia

**Kangar:** Sebanyak 17.76 peratus daripada 1,357 kematian di negeri ini pada 2021 adalah akibat penyakit jantung iskemia, kata Ketua Pegawai Eksekutif Institut Jantung Negara (IJN) Datuk Dr Aizai Azan Abdul Rahim.

Katanya dalam satu kenyataan oleh Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) semalam, penyakit itu turut menyumbang sebanyak 13.7 peratus kematian di Malaysia pada tahun sama.

Menurut kenyataan itu, perkara tersebut telah dipersembahkan Aizai Azan kepada Pemangku Raja

Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail semalam, ketika baginda berangkat merasmikan Program Saringan Kesihatan Jantung; IJN bersama UniMAP yang diadakan di Dewan Kecemerlangan, Kampus Alam Pauh Putra universiti itu.

Keberangkatan tiba baginda yang juga Canselor UniMAP dan Raja Puan Muda Perlis Tuanku Dr. Hajah Lailatul Shahreen Akas-

hah Khalil selaku Pro Canselor UniMAP, disambut oleh Naib Canselor Prof. Datuk Ts Dr Zaliman Sauli dan Aizai Azan.

Program inisiatif sosial korporat IJN itu bertujuan memberi kesedaran mengenai kepentingan penjagaan kesihatan jantung, selain menyediakan pemeriksaan saringan kesihatan secara percuma di samping memberikan

khidmat nasihat serta bimbingan menjalani gaya hidup sihat.

Program beri kesedaran mengenai kepentingan penjagaan kesihatan jantung



AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 14  
RUANGAN : MINDA

**minda**

## TERAPI GANTIAN NIKOTIN (NRT)

# Perjuangan berhenti merokok

Bersama  
**Prof Dr  
Mohamad Haniki  
Nik Mohamed**



**NRT**  
membantu  
melegakan  
keinginan  
merokok yang  
kuat tanpa  
menyebabkan  
perubahan  
drastik  
terhadap gaya  
hidup dan  
kesejahteraan  
mental  
perokok

anggal 12 Julai 2023, Rang Undang-undang (RUU) Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 yang bertujuan mengawal penjualan serta pembelian produk tembakau, bahan-bahan merokok, produk pengganti tembakau dan peranti merokok masih tiada kata putus. Ia kerana RUU itu dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen mengenai kesihatan bagi penelitian lanjut. Oleh itu, RUU yang sepatutnya dilaksanakan segera bagi mengawal industri tembakau yang berkembang pesat menyebabkan penguatkuasaan terhadap jualan dan pengedaran produk tembakau terutamanya rokok elektronik tidak dapat dilaksanakan.

Kedua ini amat membimbangkan terutamanya setelah cecair dan gel nikotin rokok elektronik diberi pengecualian sebagai bahan terkawal mengikut Akta Racun 1952 pada April tahun ini bagi membolehkan produk terbabit dijual secara terbuka dan dikenakan cukai. Situasi undang-undang yang masih berada di awang-awangan membuatkan perjuangan untuk menghentikan tabiat merokok kini menjadi lebih sukar dan memerlukan usaha aktif daripada orang awam untuk bersama-sama mencari jalan demi membendung ketagihan merokok di Malaysia.

Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi pada 2019 melaporkan terdapat 4.8 juta rakyat Malaysia berumur 15 tahun dan ke atas kini sedang merokok dan menganggarkan terdapat lebih daripada 27,200 kematian rakyat Malaysia setiap tahun adalah berkaitan tabiat merokok. Meskipun dapatan menyedihkan, kita masih ada harapan. Data menunjukkan perokok memang berusaha membendung ketagihan nikotin mereka dengan hampir separuh (48.9 peratus) daripada perokok semasa telah cuba berhenti merokok sejak 12 bulan lalu.

Namun, ada persoalan yang belum terjawab. Bagaimanakah cara untuk berhenti merokok dan yang lebih penting, apakah kaedah terbaik melakukannya? Sesetengah perokok beralih kepada rokok elektronik atau vape. Namun, alternatif ini masih memerlukan bukti saintifik yang

lebih kukuh untuk menentukan keberkesanan dan keselamatannya dalam membantu perokok berhenti merokok. Tambahan, perihai kebimbangan terhadap kurangnya pengawal aturan kandungan rokok elektronik dan vape.

Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit Amerika Syarikat menyatakan bahawa penyelidikan yang dijalankan masih tidak membuahkan hasil yang jelas mengenai keberkesanan rokok elektronik dalam meningkatkan kadar pemberhentian tabiat merokok. Produk ini juga mampu meniru penghantaran nikotin daripada rokok konvensional yang kemudiannya hanya menukar ketagihan daripada rokok kepada ketagihan rokok elektronik.

Kajian kes dalam Jurnal Perubahan British juga menunjukkan perokok yang memilih menggunakan rokok elektronik untuk membantu berhenti merokok mempunyai kadar merokok semula atau relaps yang lebih tinggi.

Antara kaedah popular ialah berhenti merokok secara mendadak atau mengurangkan bilangan rokok yang dihisap setiap hari. Bagaimanapun, kaedah ini sukar direalisasikan kerana ia memerlukan ketahanan mental yang sangat kuat agar tidak tergoda untuk mencapai sebatang rokok tatkala keinginan yang kuat terhadap nikotin berlaku. Oleh itu, kaedah ini bukanlah cara paling berkesan untuk berhenti merokok. Berdasarkan pengalaman klinikal

bersama para perokok di klinik berhenti merokok, didapati lebih 90 peratus perokok yang memilih untuk berhenti sendiri tanpa bantuan profesional kesihatan terlatih gagal menahan diri. Ia disebabkan mereka tidak dapat mengatasi keinginan membuak-buak dan gejala penarikan yang selalunya berlaku selama beberapa minggu pertama seseorang cuba berhenti merokok.

Oleh itu, sudah tiba masanya supaya orang awam mendapat kesedaran berkaitan penyelesaian sedia ada yang mendapat kelulusan perubatan serta terbukti mampu membantu menghentikan tabiat merokok. Terapi Gantikan Nikotin (NRT) telah diluluskan sebagai produk 'over-the-counter' (OTC) sejak Oktober tahun lalu. Orang awam perlu mengambil kesempatan akan pengawal aturan ini kerana NRT adalah kaedah berkesan dan selamat untuk membantu perokok menghentikan merokok.

Lebih banyak usaha boleh dilakukan untuk menentang dan mempromosi penggunaan NRT seperti kebanyakan ubat OTC lain yang boleh dibeli tanpa preskripsi. NRT juga harus dibincangkan dalam lebih banyak wacana pendidikan kesihatan. Penjual juga boleh menyusun produk NRT di sebelah rak atau kaunter tempat rokok dijual!

NRT ialah kaedah yang selamat dan berkesan untuk mengurangkan perasaan tidak selesa akibat penarikan nikotin secara mendadak yang teruk terutamanya apabila perokok

memilih untuk berhenti secara mendadak. Nikotin dalam tembakau mengubah cara otak berfungsi lalu menjadikan otak seseorang perokok bergantung kepada nikotin untuk berasa tenang. Oleh itu, apabila seseorang tidak merokok untuk seketika maka dia mungkin akan cepat marah, sukar menumpukan perhatian atau sukar tidur. Ini adalah beberapa gejala penarikan nikotin yang lazim berlaku.

Penggunaan NRT mampu membantu menghentikan kitaran ini terutamanya mengurangkan kegiatan untuk mendapatkan nikotin dan gejala penarikan. Ia disebabkan oleh NRT berfungsi dengan membekalkan nikotin teraputik ke dalam aliran darah pada tahap yang jauh lebih rendah berbanding sebatang rokok tanpa bahan kimia berbahaya dalam asap rokok seperti tar, karbon monoksida dan lain-lain. Jadi, NRT dapat membantu melegakan keinginan merokok yang kuat tanpa menyebabkan perubahan drastik terhadap gaya hidup dan kesejahteraan mental seseorang perokok secara keseluruhannya. Oleh itu, NRT telah mendapat kelulusan Kementerian Kesihatan Malaysia sebagai rawatan utama yang berkesan dan selamat untuk membantu perokok berhenti merokok.

**Penulis Profesor di Kulliyah Farmasi, Jabatan Amalan Farmasi, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kuantan, Pahang**

### dialog kotaraya oleh juragan





AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 10  
RUANGAN : NEGARA

## Elak suntik payudara



Analisis  
Semasa

Bersama  
**MOHD.  
SHAWKAWI  
LONDING**

**PADA** 8 Ogos lalu, *Kosmo!* melaporkan seorang wanita meninggal dunia selepas empat hari menjalani suntikan membesarkan payudara yang didakwa dilakukan oleh pakar kecantikan tidak bertauliah.

Mangsa berusia 29 tahun merupakan ibu kepada dua anak meninggal dunia pada pukul 7 pagi 3 Ogos lalu.

Menurut suaminya yang berusia 35 memaklumkan mangsa dimasukkan ke hospital selepas mengalami komplikasi yang didakwa berpunca daripada suntikan pembesaran payudara asid hyaluronik.

Susulan itu, *Kosmo!* pada 22 Ogos lalu mendedahkan ada segelintir individu atau pusat estetik menawarkan prosedur membesarkan payudara menerusi suntikan filler.

Harga yang bermula RM999 sehingga RM2,999 itu ditawarkan bergantung kepada saiz payudara yang dimahukan.

Persoalannya selamatkan prosedur ini digunakan?

Pakar Bedah Umum, Hospital Pakar KPJ Bandar Dato' Onn, Dr. Zulkifli Mohamad Zainuddin berkata, situasi yang melibatkan komplikasi daripada rawatan suntikan payudara sebenarnya

semakin kerap dilihat bukan sahaja di hospital KPJ Bandar Dato' Onn, malah di hospital-hospital swasta yang lain.

Katanya, trend itu membimbangkan kerana kebanyakan pesakit datang disebabkan sakit yang berterusan pada bahagian payudara yang disuntik dan ada yang datang dengan keadaan lebih teruk apabila ia bernanah.

"Dalam kebanyakan kes yang dilihat sebelum ini, pesakit atau pelanggan tidak mengetahui latar belakang ahli yang terlibat.

"Mereka akan diberikan testimoni-testimoni klien terlebih dahulu tanpa membuat kajian terlebih dahulu berkenaan kelayakan ahli tersebut, bahan yang digunakan dan kesan daripada suntikan tersebut," katanya.

Dr. Zulkifli berkata, kesan daripada suntikan-suntikan yang dibuat boleh dilihat dalam jangka masa pendek dan jangka masa panjang.

Katanya, kesan jangka masa pendek boleh dialami pengguna seperti sakit dan ketidakselesaan berterusan, perubahan pada warna kulit payu dara dan jangkitan kuman seterusnya pembentukan nanah pada bahagian yang disuntik.

"Alahan pada bahan suntikan, boleh meragut nyawa sekiranya lebih serius, malah jangkitan yang teruk boleh juga menyebabkan payu dara yang terlibat terpaksa dibuang," katanya.

Beliau berkata, kesan jangka masa panjang pula melibatkan pesakit berkemungkinan diserang kanser.

Katanya, ini kerana kesu-

karan dalam menjalani imbasan ultrasound dan mamogram menyebabkan kesukaran dalam mengesan ketumbuhan atau kanser.

Selain itu, implikasi lain adalah kehadiran bahan suntikan ke dalam payudara juga boleh menimbulkan tindak balas alahan yang teruk sekali gus mampu menjejaskan keseluruhan fungsi badan.

Malah, kos yang terpaksa ditanggung pesakit untuk rawatan selepas suntikan yang membawa mudarat juga adalah amat tinggi.

Dr. Zulkifli menasihatkan agar wanita-wanita di luar sana, menghargai dan menyayangi tubuh masing-masing.

"Sila dapatkan nasihat daripada pakar-pakar di hospital sekiranya anda ingin mendapatkan rawatan atau perkhidmatan payu dara.

"Lakukan sedikit kajian sebelum meneruskan rawatan dan adalah lebih baik melaburkan sedikit wang untuk mendapatkan rawatan yang betul dan selamat," katanya.

Selain itu, katanya, sokongan dan penerimaan pasangan juga amat penting kerana ada kes-kes yang berlaku disebabkan permintaan daripada pasangan masing-masing.

Tegasnya, jangan mudah terpedaya dengan testimoni-testimoni yang ditunjukkan dan harga ditawarkan.

"Anda hanya meletakkan aset berharga anda pada risiko tidak sepatutnya dan mungkin mempertaruhkan nyawa anda dalam waktu yang sama," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 5  
RUANGAN : DALAM NEGERI

# Dera, rogol paling banyak dilapor ke Pusat Sehenti Krisis

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM  
maisarah.rahim@mediamulla.com.my

**PUTRAJAYA:** Kes penderaan sama ada melibatkan fizikal dan seksual direkodkan paling tinggi dilaporkan di Pusat Krisis Sehenti (OSCC) yang dikendalikan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Mengikut rekod KKM yang dikongsikan kepada *Utusan Malaysia*, ia meliputi 29,331 kes melibatkan kanak-kanak dan dewasa sepanjang tempoh lima tahun dari 2018 hingga 2022 lalu.

OSCC adalah satu perkhidmatan bersepadu yang mengintegrasikan pelbagai agensi kerajaan dan bukan kerajaan dalam mengendalikan kes-kes jenayah seksual seperti rogol dan serangan seksual; penderaan dan pengabaian kanak-kanak; liwat dan keganasan rumah tangga dengan kes terkumpul diterima berjumlah 119,505 kes sepanjang tempoh tersebut.

Daripada jumlah itu, kes rogol mencatatkan 12,804 kes, diikuti jenayah liwat merekodkan 1,734 kes manakala lain-lain kes sebanyak 75,636 iaitu meliputi kes-kes berkaitan gangguan seksual dan psikologi termasuk keganasan rumah tangga.

Menurut KKM, bilik OSCC

| TAHUN | KES   |       |           |            |
|-------|-------|-------|-----------|------------|
|       | ROGOL | LIWAT | PENDERAAN | LAIN-LAIN* |
| 2018  | 2,634 | 484   | 6,660     | 24,425     |
| 2019  | 2,689 | 363   | 7,256     | 8,119      |
| 2020  | 2,170 | 393   | 5,826     | 5,270      |
| 2021  | 1,725 | 227   | 4,930     | 32,309     |
| 2022  | 3,586 | 267   | 4,659     | 5,513      |

yang beroperasi 24 jam sehari ditempatkan di Jabatan Kecemasan dan Trauma setiap hospital kerajaan di seluruh negara bagi memberikan privasi dan menjaga hak kerahsiaan pemandiri (*survivor*).

"Sebagai satu Pusat Krisis Setempat, segala pengendalian kes dan rawatan diberikan di bilik OSCC dan akan dirujuk ke jabatan berkenaan bagi rawatan lanjut.

"Mangsa tidak perlu keluar ke beberapa lokasi bagi mendapatkan rawatan atau membuat laporan polis," katanya di sini baru-baru ini.

KKM memaklumkan, OSCC yang diwujudkan sejak tahun 1996 mengendalikan rawatan multidisiplin kepada *survivor* dengan mengenal pasti kes-kes keganasan rumah tangga, seran-

gan seksual serta penderaan dan pengabaian kanak-kanak.

Serentak itu, pihaknya memberikan rawatan dan intervensi krisis pelbagai peringkat dan pengendalian bahan bukti untuk mangsa kes-kes tersebut melibatkan perundangan dengan kerjasama pihak polis.

"Jika mangsa adalah kanak-kanak tidak mengira kes aduan, kes diwajibkan untuk dirujuk kepada pasukan SCAN iaitu Suspected Child Abuse and Neglected Team terdiri daripada pelbagai-pihak.

"Ia seperti Jabatan Pediatrik, polis, Jabatan Kerja Sosial Perubatan (JKSP), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Unit Psikologi Kaunseling dan jabatan berkaitan kes tersebut seperti Obstetrik dan Ginekologi, Pembedahan, Ortopedik atau pun

Psikiatri," katanya.

Dalam pada itu, KKM berkata, mangsa kepada kes berkenaan tidak perlu rasa takut dan malu untuk mendapatkan rawatan di hospital kerana semua petugas kesihatan dan pelbagai agensi terlibat akan menjaga privasi dan kerahsiaan pesakit.

Jelasnya, segala pengendalian rawatan akan diadakan di bilik OSCC di bawah satu bumbung untuk kemudahan dan memastikan pengurusan bahan bukti bagi urusan perundangan tercapai.

Pengadu boleh terus hadir ke Jabatan Kecemasan dan Trauma hospital kerajaan atau dirujuk oleh Klinik Kesihatan atau dibawa oleh pihak polis termasuk Pegawai Pelindung Kanak-Kanak atau pertubuhan bukan kerajaan (NGO) walaupun tanpa rujukan awal.

"Bagi kes penderaan kanak-kanak, ia boleh dilakukan dari peringkat sekolah atau asrama oleh warden atau guru sekolah sendiri terutamanya jika pendera adalah dalam kalangan ahli keluarga.

"Ini kerana, mangsa mungkin menghadapi kekangan untuk datang terus ke OSCC (terutamanya jika melibatkan pengangkutan, keselamatan atau kerahsiaan daripada ahli keluar-

ga masing-masing terutamanya jika di bawah umur," katanya.

Menurut KKM, Jika terdapat unsur yang mengancam keselamatan, perkhidmatan OSCC akan merujuk kepada pihak berkenaan seperti pihak polis, pegawai pelindung dari JKM dan NGO yang dapat memberikan bantuan dan perlindungan.

Sementara itu, KKM turut memaklumkan, buku polisi dan garis panduan OSCC yang diterbitkan pada tahun 2015 sebagai panduan operasi standard OSCC, sedang dalam peringkat semakan semula pada tahun ini untuk mengeluarkan garis panduan yang dikemas kini seiring dengan peredaran masa.

Katanya OSCC akan meluaskan jaringan maklumat perkhidmatan dengan semua NGO yang berdaftar dengan kerajaan untuk meningkatkan capaian maklumat kepada orang awam.

OSCC dan hospital yang dinaungi akan mewujudkan rangkaian bantuan telefon dengan semua talian bantuan sedia ada seperti Talian Kasih 15999, talian perkhidmatan yang disediakan oleh Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental (NCEMH) KKM, Befriender dan lain-lain bagi memudahkan mereka yang memerlukan.



AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 7  
RUANGAN : DALAM NEGERI

# Kertas Putih KKM selari dengan prinsip Ekonomi MADANI

Oleh AHMAD FADHULLAH  
ADNAN  
utusannews@mediamula.com.my

**PETALING JAYA:** Kertas Putih Kesihatan (KPK) mengandungi beberapa strategi utama yang selari dengan prinsip Ekonomi MADANI yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 27 Julai lalu.

Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa berkata, KPK selari dengan prinsip Ekonomi MADANI yang berlandaskan pembangunan ekonomi secara inklusif dan mampan di samping memberi penekanan kepada kesejahteraan rakyat.

Melalui KPK, beliau berkata, penekanan diberi kepada pembangunan sistem kesihatan inklusif yang memenuhi keperluan kesihatan setiap individu selain memastikan kemampan jangka panjang sistem kesihatan dan ini selari dengan tumpuan Ekonomi MADANI iaitu meningkatkan taraf kehidupan rakyat.

Katanya, sasaran KPK agar pembiayaan kesihatan dipertingkatkan kepada lima peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bukan sahaja memberi kesan positif terhadap tahap kesihatan rakyat, tetapi merangsang ekonomi, selari dengan halatuuji Ekonomi MADANI untuk menjadikan Malaysia sebagai peneraju ekonomi Asia.

Di samping itu, Dr. Zaliha percaya, penjagaan kesihatan bukanlah kos, tetapi pelaburan kerana komuniti sihat adalah tunjang kepada masyarakat yang sejahtera dan produktif.

"Strategi utama KPK yang selari dengan prinsip Ekonomi MADANI, pertamanya memberi tumpuan kepada pengukuhan kesihatan primer dan itu merupakan langkah penting yang menekankan usaha pencegahan dan rawatan awal penyakit.

"Pendekatan ini membolehkan kita mencegah penyakit, mengelakkan komplikasi lanjut, justeru mengurangkan beban penyakit serta perbelanjaan rawatan hospital yang tinggi.

"Dengan ini, kita bukan sahaja meningkatkan kesejahteraan rakyat, tetapi juga menambah kepada produktiviti negara, kerana individu sihat dapat menyumbang kepada tenaga kerja secara aktif," katanya.

Sebagai langkah untuk mengukuhkan perkhidmatan kesihatan primer dan membawa penjagaan kesihatan lebih dekat



**DR. ZALIHA Mustafa (kiri)** melakukan pemeriksaan kepada warga emas pada program Madani Afiat di Chabang Tiga, Terengganu baru-baru ini. Kerajaan memastikan setiap rakyat mendapat kemudahan perubatan melalui Skim Perubatan Madani.



**“Walaupun KPK adalah rangka reformasi selama 15 tahun, saya komited untuk memulakan langkah-langkah reformasi dalam masa terdekat.”**

**DR. ZALIHA MUSTAFA**

dengan komuniti, Ekonomi MADANI memberi keutamaan kepada pembaikan klinik daif. Inisiatif ini melibatkan 1,200 buah klinik, di mana 436 buah klinik dijangka siap dibaiki pada tahun ini, dengan peruntukan sebanyak RM 111 juta.

Menurut Zaliha, KPK juga memberi penekanan kepada pendidikan dan promosi kesihatan dengan memberikan kesedaran awam bagi mendidik individu supaya mengambil berat terhadap kesihatan diri dengan mengamalkan gaya hidup sihat.

Katanya, langkah proaktif ini bertepatan dengan fokus Ekonomi MADANI iaitu memupuk rakyat yang mementingkan kesihatan diri

dan mampu menyumbang kepada kemajuan negara.

"Ketiga, melalui pendekatan *whole of government, whole of society*, semua pihak seharusnya memainkan peranan dalam menjadikan kesihatan sebagai agenda negara. Kerjasama antara semua pihak diperlukan, agar sumber-sumber kesihatan dapat digunakan secara efisien, efektif dan optimum.

"Akhir sekali, KPK menekankan kepentingan kerjasama dan inovasi dalam sektor kesihatan. Dengan menggalakkan kerjasama awam swasta, kita dapat memanfaatkan kekuatan kedua-dua sektor demi meningkatkan akses kepada

perkhidmatan kesihatan," katanya.

Jelas Dr. Zaliha, satu contoh kerjasama awam-swasta ialah Skim Perubatan MADANI yang merupakan satu inisiatif rintis kerajaan melalui Kementerian Kesihatan yang kini dilaksanakan di 21 daerah terpilih dan akan diperluaskan lagi ke seluruh negara pada September ini.

Katanya, ia bagi menampung keperluan kesihatan golongan B40 terhadap Penjagaan Kesihatan Primer Akut (Rawatan Pesakit Luar Kes-Kes Akut).

"Manfaat skim ini adalah penerima Sumbangan Tunai Rahmah boleh mendapatkan rawatan penjagaan kesihatan primer akut secara percuma di Klinik-klinik Perubatan Swasta (GP) yang berdaftar di bawah Skim Perubatan MADANI.

"Bagaimana Skim Perubatan MADANI dapat membantu rakyat? Pertamanya, penduduk B40 di kawasan bandar mudah mendapatkan rawatan apabila klinik GP berada dalam komuniti dan lebih dekat kepada golongan sasar, ini membolehkan pesakit menerima rawatan dengan cepat di GP berdekatan.

"Selain itu waktu operasi Klinik GP yang lebih fleksibel, selalunya termasuk selepas waktu pejabat dan hujung minggu berbanding waktu operasi Klinik Kesihatan

yang terhad," katanya.

"Keduanya, Skim Perubatan MADANI meringankan bebanan kewangan dengan menyediakan manfaat rawatan secara percuma.

"Walaupun KPK adalah rangka reformasi selama 15 tahun, saya komited untuk memulakan langkah-langkah reformasi dalam masa terdekat. Sebagai langkah seterusnya, saya akan memuktamadkan penubuhan badan pemantau bebas yang akan diberi kuasa untuk memantau pelaksanaan KPK," katanya.

Sementara itu, Penasihat Persatuan Pakar Perubatan Kesihatan Awam Malaysia, Datuk Dr. Zainal Ariffin Omar mengakui, reformasi kesihatan mengambil masa yang panjang, tetapi Ekonomi MADANI membantu pelaksanaan asas itu bermula.

Katanya, ia terutamanya melibatkan permulaan kerjasama awam-swasta melalui Skim Perubatan MADANI yang boleh dikembangkan ke pelbagai peringkat lagi.

"Kerjasama dengan swasta yang kita mahu selama-lamanya kerana hospital tidak lagi sesak dan GP pun dapat berkongsi pendapatan.

"Keduanya, peruntukan untukbaiki klinik itu sangat bagus sebab sekarang banyak klinik rosak, jadi tidak selesa sama ada kepada staf mahupun orang ramai," katanya.



AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 15

RUANGAN : VIEWS

# Aid for dialysis patients

I AM writing to highlight a pressing matter that warrants the collective attention of our society and policymakers: the dire financial situation faced by some dialysis patients across Malaysia.

It is imperative that we address the needs of these vulnerable citizens excluded from crucial financial assistance programmes. I appeal to the Finance Minister to consider a budget allocation for dialysis patients who do not receive full or partial subsidies/sponsorships from government agencies and NGOs.

The call for this Budget 2024 allocation is underscored by several compelling reasons, each reinforcing the urgency and significance of this proposal:

> **Malaysia Madani concept:** The Malaysia Madani concept emphasises the values of unity, compassion, and social responsibility. Allocating funds for underserved dialysis patients aligns perfectly with these principles, demonstrating our commitment to creating a society where no one is left behind.

> **Targeted and inclusive assistance:** The proposed budget allocation must target to directly support dialysis patients not covered by existing assistance programmes. This focused approach ensures that those who need assistance the most receive it, promoting inclusivity and equitable



Photo: Filepic/The Star

distribution of resources.

> **Health and wellbeing:** Access to healthcare is a fundamental right. By providing financial support to patients struggling to bear the costs of treatment, we can ensure that they receive the care they need to lead healthier and more fulfilling lives.

> **Public and political support:** A budget allocation that addresses this urgent need would undoubtedly garner public support. Such compassionate policies resonate with citizens and demonstrate the government's dedication to the people's welfare. Additionally, the involvement of MPs in advocating for this proposal can amplify its impact and demonstrate their commitment to their constituents' wellbeing.

> **Humanitarian responsibility:** Caring for our fellow citizens who are in need is a humanitarian duty that reflects the values of our society. Providing financial assistance to these patients fulfils our responsibility to create a more caring and compassionate Malaysia.

> **Relief for families:** Families of dialysis patients often bear the brunt of medical expenses. By offering financial assistance, we alleviate the financial burden on families, allowing them to focus on providing the best care possible for their loved ones.

In light of these compelling reasons, I call upon all MPs to actively advocate and rally support for this proposed allocation for Budget 2024. The initiative not

only addresses a pressing need but also exemplifies our nation's commitment to equitable social policies and the wellbeing of all citizens.

I urge the Finance Minister to recognise the urgency of this issue and consider allocating a monthly budget ranging from RM1,500 to RM2,500 per eligible dialysis patient who is not fully subsidised or partially sponsored by any government agencies or NGOs.

The direct disbursement of these funds to dialysis centres' bank accounts through a designated government agency would ensure transparency and accountability.

I implore the Finance Minister to recognise the gravity of the situation and take action to allocate the necessary funds in the 2024 budget.

And I appeal to our collective humanity and the spirit of Malaysia Madani to ensure that underserved dialysis patients receive the assistance they urgently require. By supporting this proposal, we can make a tangible difference in their lives, reaffirm our commitment to building a compassionate society, and collectively work towards the betterment of our beloved nation.

**BANTUAN DIALISIS  
ADVOCATE  
Kuala Lumpur**